

CNS4387
U GB 18-07 00163 BA781
Aab
Mahathir - UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- UMNO tidak terlibat dengan urusan saham tetapi anggotanya bebas untuk membuat perniagaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Jika orang yang kenal dengan bekas Menteri Kewangan membeli saham, ini tidak bermakna UMNO membeli saham,+ katanya ketika menggulung perbahasan mengenai usul Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat.

Sambil merujuk kepada Ketua Pembangkang Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjong), Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau yakin ramai juga kenalan Encik Lim yang membeli dan menjual saham.

+Tetapi saya dan rakan saya tidak melupakan tuduhan seperti yang dibuat oleh ahli yang terhormat (itu) bahawa seorang yang bernama Datuk Halim adalah 'front man' (orang hadapan) bagi UMNO,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata beliau tidak mudah percaya sehingga membenarkan orang lain menjadi +front+ dan memiliki +\$1,000 juta ringgit duit UMNO, jika UMNO ada duit sebanyak itu+. -- Lagi.

♥18/07/17-44MST

CNS4390
U GB 18-07 00188 BA782
Aab
Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

+Saya tidur nyenyak setiap malam kerana tidak kluatir duit UMNO akan hilang, kerana duit UMNO tidak terlibat. Saya mengaku bahawa jika duit UMNO sebanyak \$1,000 juta terlibat, saya tidak akan tidur nyenyak,+ katanya.

Beliau berkata UMNO telah banyak kali ditipu dan banyak duit UMNO yang hilang kerana orang yang diamanahkan menjaga duit UMNO tiba-tiba mengatakan parti itu tidak ada duit sama sekali.

Disebabkan tindakan orang yang hendak menghancurkan UMNO, harta UMNO kini masih berada di tangan Pegawai Pemegang Harta dan tidak boleh diuruskan untuk memberikan faedah kepada UMNO, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

+Saya dahulu percaya orang UMNO sampai bila-bila akan sayang kepada UMNO dan tidak akan merosakkan UMNO. Tetapi sekarang saya sedar ada orang UMNO yang hanya hendak memelihara UMNO jika UMNO dimiliki olehnya. Sebab itu saya tidak mudah percaya kepada orang,+ katanya.

Encik Lim, yang bangun hampir 20 kali untuk meminta penjelasan selama masa sejam Perdana Menteri berucap, bertanyakan sama ada Datuk Seri Dr Mahathir boleh memberikan jaminan bahawa UMNO tidak terlibat dalam apa-apa syarikat. -- Lagi.

♥18/07/17-45MST

CNS4400
U GB 18-07 00104 BA783
Aab
Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

+Saya memberi jaminan UMNO tidak ada syarikat nominee tetapi ahli-ahli UMNO dan juga orang yang menyokong UMNO, terlibat dengan perniagaan,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Terdahulu, beliau berkata dalam dunia perniagaan saham, berjuta-juta ringgit saham bertukar tangan setiap hari dan kadang-kadang mereka meminjam sepenuhnya wang daripada bank untuk pembelian atau diadakan +share swap+ (bertukar-tukar saham).

Bukanlah suatu perkara luar biasa bagi seseorang membeli saham yang lebih daripada apa yang difikirkan kemampuannya kerana saham-saham itu boleh dicagar kepada bank dan menebusnya dalam keadaan tertentu, kata beliau. -- Bernama.